***Jenis Akhbar : The Malaysia Press***
***Tarikh : 10/03/2025***
***Edisi / Muka Surat : [https://themalaysiapress.com](https://themalaysiapress.com)***
***Tajuk : Angkasa Cadang Guna Spekar Elak Penjawat Awam Bangkrap***

# Angkasa cadang guna SpEKAR elak penjawat awam bangkrap




KUANTAN – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bersedia menawarkan kepada syarikat kredit menggunakan Sistem Pelaporan Kredit Angkasa (SpEKAR) sebagai pusat sehenti pemeriksaan kelayakan penjawat awam membuat pinjaman.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, usaha itu bertujuan membantu syarikat berkenaan menilai status kredit penjawat awam sebelum memberikan pinjaman.

Katanya, ia juga antara usaha bagi mengelak risiko penjawat awam berdepan situasi bankrap akibat komitmen hutang berlebihan.

“Syarikat (kredit) menggunakan sistem SpEKAR untuk melihat butiran lengkap pemohon sama ada dalam senarai peminjam bermasalah atau tidak.

“Ini termasuk menguruskan kelayakan pemohon mendapatkan kelulusan pinjaman bagi mengelakkan risiko tinggi tidak mampu membayar balik pinjaman,” katanya menerusi satu kenyataan.

Abdul Fattah berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia, Datuk M Bakri Abd Majid, mengenai penjawat awam melakukan pinjaman bank ‘luar biasa’ hingga tidak mampu membayar pinjaman itu.

Jelas Abdul Fattah lagi, SpEKAR adalah sistem pemarkahan kredit yang boleh digunakan syarikat pemberi pinjaman membuat penilaian awal terhadap pemohon pinjaman sama ada dari institusi perbankan, koperasi atau syarikat kredit, pajak gadai dan sebagainya.

"Kelebihan SpEKAR ialah kebanyakan penjawat awam mempunyai jaringan kredit melalui koperasi yang mana Sistem Potongan Gaji Angkasa, adalah komponen utama dalam SpEKAR," jelasnya.